

Ahli lama melebihi 700,000

Umno boleh tuntut \$1.5b

7 AUG 1991

Oleh AHMAD ZAINI
KAMARUZZAMAN

JITRA, Selasa — Umno **kini** boleh menuntut kembali hartanya bernilai \$1.5 bilion kerana lebih 700,000 ahli Umno **lama** sudah menyertai **parti** itu, kata **Presidennya, Datuk** Seri Dr Mahathir **Mohamad**.

Sehubungan itu, beliau berkata, Umno akan membuat tuntutan berkeenaan di mahkamah selepas akhir bulan ini, iaitu tempoh diberikan kepada ahli Umno membuat pengesahan bahawa mereka adalah bekas ahli Umno lama.

Beliau juga berkata, Umno mempunyai bukti jumlah itu adalah tepat berdasarkan senarai pendaftaran ahli Umno lama, resit dan bukti lain yang berkaitan.

Menurutnya, mengikut peraturan, Umno boleh membuat tuntutan jika **parti** itu dapat membuktikan 50 peratus daripada 1.4 juta ahli Umno lama sudah menyertai Umno.

"Kita ada bukti dan akan membuat tuntutan berkeenaan secepat mungkin," katanya kepada pemberita selepas mengadakan mesyuarat dengan Ahli Jawatankuasa Umno bahagian Kubang Pasu dan perjumpaan dengan ketua jabatan Kerajaan Negeri Kedah di sini, petang ini.

Perdana Menteri juga berkata, Umno pernah membuat tuntutan berkeenaan tetapi tidak berjaya kerana ada pendapat berbeza mengenai syarat bagi membolehkan **parti** itu mendapatkan semula hartanya yang sedang diuruskan oleh Pemegang Amanah Raya, selepas berlaku krisis di dalam **parti** itu pada 1987.

Menurutnya, ada pendapat mengatakan setiap ahli Umno perlu membuat pengakuan di hadapan Pesuruhjaya Sumpah bahawa mereka adalah bekas

ahli Umno lama dan jumlahnya pula perlu melebihi 50 peratus daripada ahli Umno lama.

"Pendapat lain pula ialah oleh kerana dalam borang Umno baru ada menyatakan soalan mengenai status ahli, iaitu sama ada seseorang ahli itu bekas ahli Umno lama atau tidak, **parti** itu sudah boleh membuat tuntutan.

"Bagaimanapun, kerana pengakuan berkeenaan tidak dibuat di hadapan Pesuruhjaya Sumpah, ia dikatakan tidak sah," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata, jumlah ahli Umno lama yang dikatakan seramai 1.4 juta tidak boleh dibuktikan kerana jumlah yang direkodkan di ibu pejabat **parti** tidak sah, manakala di peringkat cawangan pula tidak mempunyai rekod lengkap.

Menurutnya, keadaan itu berlaku kerana ada bahagian sengaja mengaku mempunyai ahli yang ramai bagi membolehkannya menghantar maksimum 11 perwakilan ke persidangan agung **parti**.